



1 Disember 2011
1 December 2011
P.U. (A) 397

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG) (PENGECUALIAN) 2011

EXCHANGE CONTROL (MONEY-CHANGING BUSINESS) (EXEMPTION) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S
CHAMBERS

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953
PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (PERNIAGAAN PENGURUPAN
WANG) (PENGECCUALIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], Pengawal Pertukaran Wang Asing membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Perniagaan Pengurupan Wang) (Pengeccualian) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Akta” ertinya Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

“ejen perniagaan perkhidmatan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*];

“pemegang lesen” ertinya seorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pengurupan wang di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;

“perniagaan pengurupan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

Pengecualian

3. Seorang pemegang lesen atau ejen perniagaan perkhidmatan wangnya adalah dikecualikan daripada larangan di bawah—

(a) subseksyen 4(1) Akta berkenaan dengan—

(i) pembelian mata wang asing daripada;

(ii) penjualan mata wang asing kepada; atau

(iii) pelakuan apa-apa perbuatan yang melibatkan, yang berkaitan dengan, atau sebagai persediaan bagi, pembelian mata wang asing daripada atau penjualan mata wang asing kepada,

mana-mana orang di dalam Malaysia; dan

(b) seksyen 4A Akta berkenaan dengan pengeluaran atau penerbitan, atau selainnya yang memudahkan pengeluaran atau penerbitan oleh mana-mana orang, sesuatu iklan berhubungan dengan pembelian atau penjualan mata wang asing.

Pembatalan

4. Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Perniagaan Pengurusan Wang) (Pengecualian) 2000 [*P.U. (A) 186/2000*] dibatalkan.

Dibuat 15 November 2011
[BNM/JUN 1119/67/03; PN(PU2)206/III]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Pengawal Pertukaran Wang Asing

EXCHANGE CONTROL ACT 1953
EXCHANGE CONTROL (MONEY-CHANGING BUSINESS)
(EXEMPTION) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Exchange Control Act 1953 [Act 17], the Controller of Foreign Exchange makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Exchange Control (Money-Changing Business) (Exemption) Order 2011**.

(2) This Order comes into operation on 1 December 2011.

Interpretation

2. In this Order—

“Act” means the Exchange Control Act 1953;

“money services business agent” has the same meaning as assigned to it in section 2 of the Money Services Business Act 2011 [Act 731];

“licensee” means a person licensed to carry on money-changing business under the Money Services Business Act 2011;

“money-changing business” has the same meaning as assigned to it in section 2 of the Money Services Business Act 2011.

Exemption

3. A licensee or its money services business agent is exempted from the prohibition under—

(a) subsection 4(1) of the Act in respect of—

- (i) buying foreign currency from;
- (ii) selling foreign currency to; or
- (iii) doing any act which involves, is in association with, or is preparatory to, buying foreign currency from or selling foreign currency to,

any person in Malaysia; and

- (b) section 4A of the Act in respect of the issuance or publication of, or otherwise facilitating the issuance or publication by any person of, an advertisement relating to buying or selling foreign currency.

Revocation

4. The Exchange Control (Money-Changing Business) (Exemption) Order 2000 [P.U. (A) 186/2000] is revoked.

Made 15 November 2011
[BNM/JUN/1119/67/03; PN(PU2)206/III]

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Controller of Foreign Exchange